



UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Tingkatan 3 Sesi 2023/2024

Bahasa Melayu (02/1)

1 jam 30 minit

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-15	15	
B	1	2	
	2	2	
	3	4	
	4	2	
	5	10	
	6	10	
C	1	15	
Jumlah		60	


Arahan: *Jawab semua* soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A
[15 markah]

Soalan 1 - 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1



Hobi kakak yang gemar _____ bunga untuk dijadikan hiasan telah dapat memberi pendapatan sampingan untuk keluarganya.

- A mengubah
- B membentuk
- C mengatur
- D mereka

2 Adik menangis _____ semasa dinasihati ibu kerana sedar akan kesalahannya.

- A terangguk-angguk
- B tersedan-sedan
- C terpekik-pekik
- D terjerit-jerit

Soalan 3 - 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan berhuruf condong** dengan betul.

- 3
- I Semasa hujan lebat, motosikal yang ditunggang Adlin hampir terbabas akibat *bunga* tayarnya licin.
 - II Kumpulan tarian cilik itu menampilkan *bunga* tari yang unik dalam persembahan mereka.
 - III Wang Ahmad bertambah secara mendadak apabila simpanan wangnya mendapat pulangan *bunga* yang tinggi.
 - IV Hang Tuah menggunakan *bunga* ayat untuk memikat hati Tun Teja.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 4
- I Kain yang *jarang-jarang* tidak sesuai dibuat langsir.
 - II Buah durian di dusun datuk *jarang-jarang* dan kurang menjadi tahun ini.
 - III Ali *jarang-jarang* datang ke rumah saya semenjak dia berpindah ke kampung neneknya.
 - IV Kejadian pelik yang terjadi di kampung itu *jarang-jarang* berlaku.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 - 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

*Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.*

- 5 Ayah menasihatkan abang agar bijak sesuaikan diri di dalam persekitaran sekolah baharu.
- A menyesuaikan diri di dalam
 - B menyesuaikan diri dalam
 - C sesuaikan diri dalam
 - D sesuaikan diri di dalam
- 6 Salim dan Salina antara murid-murid yang cemerlang di sekolah itu
- A antara murid
 - B di antara murid
 - C di antara murid-murid
 - D antara murid-murid

Soalan 7 - 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7
- I Ramlah menjual pisang goreng di hadapan rumahnya sementara menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
 - II Maryam menemui Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk berbincang permasalahan yang sedang dihadapinya.
 - III Emak berminat untuk memasuki Perusahaan Kecil dan Sederhana yang berasaskan pertanian.
 - IV Semua orang pasti mempunyai sebuah cita-cita apabila menjejakkan kaki ke menara gading.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 8
- I Pesawah digalakkan menceburkan bidang akuakultur bagi meningkatkan ekonomi mereka.
 - II Banyak produk berasaskan kepada teknologi nano sedang giat dibangunkan di negara kita.
 - III Dengan kemajuan teknologi, petani mampu meningkatkan pengeluaran dan menjana pendapatan yang lumayan.
 - IV Antara ikan air tawar yang ditenak di Malaysia ialah tilapia, patin dan keli.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 **Kemudahan awam yang disediakan di taman permainan di negara kita sering dirosakkan oleh remaja yang tidak bertanggungjawab.**
- A Kemudahan awam di negara kita terutamanya di tempat permainan dirosakkan oleh golongan remaja yang bermasalah.
 - B Kemudahan awam di taman rekreasi, menjadi mangsa kepada golongan remaja yang tidak bertanggungjawab di negara kita.
 - C Golongan remaja yang tidak bertanggungjawab sering merosakkan kemudahan awam yang disediakan di taman permainan di negara kita.
 - D Di tempat rekreasi di negara kita terdapat banyak kemudahan awam yang dirosakkan oleh golongan remaja yang tidak bertanggungjawab.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Walaupun sudah beberapa kali dinasihatkan oleh guru, Aiman tetap malas mengulang kaji pelajarannya.

Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A sudah terhantuk baru terngadah.
- B masuk telinga kanan keluar telinga kiri.
- C hendak seribu daya tak hendak seribu dalih.
- D belakang parang pun, jikalau diasah nescaya tajam.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 - 15 berdasarkan bahan di bawah.

Jemu benar aku dengan perkataan tapai itu. Sejak kecil aku disogokkan dengan tapai. Sebutlah tapai ubi Wak Salikon, semua orang tahu. Wak Salikon bapa aku. Jika ada orang berkata Wak Salikon Tapai Ubi, seluruh kampung kenal. Itu bapa aku! Kalau orang bertanya Parjo Tapai Ubi, itu aku! Aku dan tapai *seolah-olah sehati* dan sinonim. Ah, bencinya!

“Parjo, jangan lupa nanti hantar tapai ke pasar!” jerit bapa dengan loghat Jawanya yang pekat. Laungan itu menjadi rutin setiap pagi. Maka aku pun tidak pernah menolak untuk berkhidmat menghantar tapai ubi buatan bapa dan emak ke pasar, ke warung, ke kedai kampung dan ke mana-mana sahaja jika ada tempahan.

Itu sahaja yang aku tahu. Akan tetapi kini aku semakin jemu dengan tapai ubi. Lebih-lebih lagi sejak aku memasuki sekolah menengah. Apatah lagi apabila setiap hari aku terpaksa menjinjit karung tapai ke kantin sekolah. Parjo Tapai! Itulah gelaran yang diberikan oleh kawan-kawanku yang sama-sama menumpangi bas sekolah. Aku malu dan marah juga pada mulanya. Namun alah bisa tegal biasa. Aku hanya membantu emak dan bapa mencari rezeki.

Ironinya, aku tidak pernah melihat bapa dan ibu jemu dengan dunia tapai mereka. Pagi-pagi lagi bapa akan ke kebun untuk mencabut ubi. Kebun kami bertanah gambut, dan bapa mudah sahaja mencabut berpuluh-puluh pokok ubi. Karung ubi dipikul pulang. Emak akan mengopek kulit berwarna coklat. Putih bersih ubi kayu yang segar itu jadinya. Kemudian ubi itu dipotong pendek-pendek, dalam seinci setengah panjangnya. Akulah yang sering melakukan tugas ini. Memang layak orang memanggilku Parjo Tapai.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen ‘*Legasi Tapai Ubi*’
antologi Bintang Hati,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Berdasarkan petikan, rangkai kata *seolah-olah sehati* membawa maksud

- A seperti sesuai
- B ibarat meresap
- C umpama menyerap
- D macam serupa

- 12 Yang berikut merupakan perwatakan Parjo, **kecuali**
- A rajin.
 - B tegas.
 - C amanah.
 - D bertanggungjawab.
- 13 Latar masyarakat yang berikut terdapat dalam petikan **kecuali** masyarakat yang
- A gigih.
 - B terpelajar.
 - C bekerjasama.
 - D bertanggungjawab.
- 14 Tugas yang sering dilakukan oleh Parjo semasa membuat tapai ubi ialah
- A Mencabut ubi kayu.
 - B Memikul karung ubi.
 - C Memotong ubi kayu.
 - D Mengopek ubi kayu.
- 15 Antara berikut, yang manakah **tidak benar** tentang petikan cerpen di atas?
- A Seluruh kampung mengenali Parjo sebagai Parjo Tapai Ubi.
 - B Jika ada tempahan, Parjo tidak pernah menolak untuk menghantar tapai ubi.
 - C Wak Salikon tidak perlu bersusah payah mencabut ubi kerana kebun mereka bertanah gambut.
 - D Parjo menghantar tapai ubi ke kantin sekolah setiap pagi dengan menaiki bas sekolah.

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 1 Dalam bahan di bawah, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

**KARNIVAL KEUSAHAWANAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)**

“Keusahawanan Kerjaya Pilihan”


Tarikh : 1 – 10 Febuari 2023

Masa : 9:00 pagi – 11:00 malam

Tempat : Desasiswa Bakti Permai USM

Aktiviti menarik ;

Ceramah tata cara pendaftaran perniagaan, pameran, motivasi keusahawanan, cabutan bertuah, kempen derma darah, gerai jualan, dan banyak lagi



Diskaun pembelian
buku sebanyak 10%

i)

ii)

[2 markah]

2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pemuda itu akan dijatuhkan hukuman jika sekiranya dia tidak dapat mengemukakan bukti yang sahih dalam kes tersebut.

- (ii) Pasukan pengakap melakukan aktiviti kembara di kawasan hutan itu berpandukan pada peta dan kompas sahaja.

[2 markah]

3 Baca ayat di bawah dengan teliti. Kemudian, tukarkan **ayat aktif** di bawah ini kepada **ayat pasif**.


(i) Semua guru mestilah menggunakan bahasa kebangsaan dalam mesyuarat .

(ii) Zaidi memberitahu EncikMuthu bahawa Puan Zalina ada di pejabat.

[4 markah]

4 Lihat bahan di bawah dengan teliti.

Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

Baca bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

Dua orang anak lelakinya itu tamakkan duit. Dua orang anak lelakinya itu memalukannya. Saleh asyik keluar masuk lokap polis kerana terlibat dengan penagihan dadah. Saleh juga pernah keluar masuk pusat serenti tetapi dia terus juga menagih. Musa terlibat dengan keseronokan anak-anak muda dengan motosikal. Musa beberapa kali ditahan kerana terlibat dalam lumba haram.

Dipetik daripada cerpen *Sekeping Tanah*
antologi Bintang Hati
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAN 2



sumber Internet

- 5 (a) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2 di atas, nyatakan kesan-kesan akibat penagihan dadah.

[3 markah]

- (b) Berikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam Bahan 1.

[3 markah]

- (c) Pelbagai faktor menyebabkan remaja sering terlibat dengan penyalahgunaan dadah sehingga merosakkan diri.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor tersebut?

[4 markah]

